



IKLAN PENGISIAN KEKOSONGAN PERJAWATAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan perjawatan secara **KONTRAK** seperti berikut:

1. JAWATAN	:	Juruteknik Komputer Gred FT19
TARAF JAWATAN	:	Kontrak
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	Pelaksana
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	:	Minimum - RM 1,377.00 Maksimum - RM 4,052.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM 100.00
BIL. KEKOSONGAN	:	Satu (1)
TEMPAT KEKOSONGAN	:	Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA)

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.1 Calon lantikan hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (b) Memiliki:
 - i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,377.00)
atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,435.12)
atau

- iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,493.24)
- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (d) Memenuhi syarat pelantikan yang ditetapkan untuk jawatan kontrak; dan
- (e) Mempunyai kompetensi dan pengetahuan kerja yang sesuai dengan bidang tugas di jawatan kontrak.
- (f) Deskripsi tugas:
 - Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi pengkomputeran dan operasi sistem dalam sesebuah organisasi.

5. **CARA MEMOHON**

- i. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang
 - BP.COS
- ii. Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan berkaitan yang disahkan, dan dikemukakan kepada:-

Pengarah

Taman Botani Negara Shah Alam
Bukit Cahaya Seri Alam
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

6. TARIKH TUTUP

- i. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat di atas mulai **25 April 2022 hingga 13 Mei 2022 jam 12.00 tengah hari**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima** dari tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
- ii. Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Permohonan tuan/puan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan daripada Kementerian ini dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan.

7. PERTANYAAN

Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini sila hubungi:-

- (i) **Puan Faridah binti Mohammad**
- (ii) **Puan Nur Ain Yuhana binti Ismail**
E-mel : tbnsa@mafi.gov.my
Telefon : 03-5510 6922 / 03-5510 6923